

**PEJABAT BENDAHARI  
UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA**

---

UTHM/PB/100–6/4/ Jld.2 (1)

Tarikh: 02 Januari 2012

**PEKELILING BENDAHARI BIL. 1 / 2012**

Semua Pengurus Bahagian  
***Universiti Tun Hussein Onn Malaysia***

YBhg. Dato'/Prof/Tuan/Puan,

**GARIS PANDUAN PEROLEHAN BERKAITAN *INFORMATION AND COMMUNICATION TECHNOLOGY* (ICT) DAN RANGKAIAN INTERNET DI UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA**

**1.0 TUJUAN**

Pekeliling ini bertujuan untuk menerangkan kepada semua Pusat Tanggungjawab (PTJ) berkenaan Garis Panduan Perolehan Berkaitan *Information And Communication Technology* (ICT) Dan Rangkaian Internet di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia seperti berikut :-

- (i) Perisian komputer, lesen pengguna termasuk naik taraf, pembaharuan lesen daripada pemilik atau pembekal tunggal/agen tunggal yang dilantik secara sah oleh pemilik perisian berkenaan sama ada berdaftar atau tidak berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia;
- (ii) Langganan pangkalan data, jurnal dan maklumat secara atas talian termasuk pelanjutan tempoh langganan daripada pemilik atau pembekal tunggal/agen tunggal yang dilantik secara sah oleh pemilik berkenaan sama ada berdaftar atau tidak berdaftar dengan Kementerian Kewangan; dan
- (iii) Pelanjutan kontrak penyelenggaraan dan menaik taraf perkhidmatan rangkaian ICT dan perkhidmatan Internet dengan pembekal perkhidmatan sedia ada.

**2.0 LATARBELAKANG**

2.1 Pada masa ini, semua tatacara perolehan yang berkaitan dengan perolehan ICT adalah tertakluk kepada Pekeliling Bendahari Bil. 5/2009, Pekeliling serta Surat Pekeliling Bendahari dan Perbendaharaan lain yang sedang berkuatkuasa.

2.2 Selaras dengan perkembangan teknologi dan penambahbaikan system penyampaian perkhidmatan awam, Kementerian Kewangan Malaysia telah mengkaji dan mengemaskini perolehan berkaitan ICT sepertimana yang terkandung dalam Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 8 Tahun 2011

Berkenaan Perolehan Berkaitan *Information And Communication Technology* (ICT) Dan Rangkaian Internet.

- 2.3 Sehubungan dengan itu, Mesyuarat Lembaga pengarah Universiti Bil. 4/2011 yang telah bersidang pada 13 Disember 2011 telah meluluskan Garis Panduan Perolehan Berkaitan *Information And Communication Technology* (ICT) Dan Rangkaian Internet di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.

### 3.0 PEROLEHAN PERISIAN KOMPUTER ATAU LESEN PENGGUNA

- 3.1 Semua PTJ adalah dibenarkan untuk membuat perolehan perisian komputer atau lesen pengguna bagi perisian khusus atau perisian umum secara rundingan terus berdasarkan kepada takrifan, had nilai, kuasa melulus dan syarat-syarat seperti berikut :

#### 3.1.1 Takrifan

**(a) Perisian Khusus :** Perisian yang mempunyai fungsi khusus melibatkan penggunaan spesifik seperti penyelidikan dan pembangunan (R&D), perubatan, kejuruteraan, keselamatan strategik, meteorologi dan lain-lain.

**(b) Perisian Umum :** Perisian yang mempunyai fungsi umum yang diguna sama oleh kebanyakan PTJ.

#### 3.1.2 Had Nilai Dan Kuasa Melulus

##### (a) Perisian Khusus

Had Nilai	Kuasa Melulus
Sehingga RM50 ribu	Naib Canselor
Melebihi RM50 ribu sehingga RM200 ribu	Jawatankuasa Sebut Harga "B"
Melebihi RM200 ribu sehingga RM500 ribu	Jawatankuasa Sebut Harga "A"
Melebihi RM500 ribu sehingga RM20 juta	Lembaga Perolehan 'B'

Melebihi RM20 juta sehingga RM50 juta	Lembaga Perolehan 'A'
Melebihi RM50 juta	Kementerian Kewangan Malaysia

**(b) Perisian Umum**

<b>Had Nilai</b>	<b>Kuasa Melulus</b>
Sehingga RM50 ribu	Naib Canselor
Melebihi RM50 ribu sehingga RM200 ribu	Jawatankuasa Sebut Harga "B"
Melebihi RM200 ribu sehingga RM500 ribu	Jawatankuasa Sebut Harga "A"
Melebihi RM500 ribu sehingga RM1 juta	Lembaga Perolehan 'B'
Melebihi RM1 juta	Kementerian Kewangan Malaysia

**3.1.3 Syarat-syarat :**

- (a) Peruntukan kewangan telah diluluskan dan mencukupi;
- (b) Perisian berkenaan boleh diperolehi daripada pemilik perisian atau pembekal tunggal/agen tunggal sama ada berdaftar atau tidak berdaftar dengan Kementerian Kewangan;
- (c) Pembekal tunggal/agen tunggal hendaklah mempunyai surat lantikan yang sah daripada pemilik perisian berkenaan;
- (d) Harga hendaklah dirundingkan ke paras terendah dan menguntungkan Kerajaan selaras dengan peraturan semasa;
- (e) Perolehan hanya untuk perisian komputer sahaja dan tidak termasuk perkakasan; dan
- (f) PTJ perlu mendapat kelulusan Jawatankuasa Teknikal PTJ atau Jawatankuasa Teknikal Universiti selaras dengan peraturan yang sedang berkuatkuasa yang dikeluarkan oleh Universiti.

3.1.4 Bagi perolehan perisian khusus dan umum yang bernilai sehingga RM50,000.00, ianya perlu mendapat ulasan dan sokongan dari Bendahari sebelum dikemukakan kepada Naib Canselor untuk kelulusan. Carta alir dan format kertas kerja untuk perolehan bernilai sehingga RM50,000.00 ini adalah seperti di **Lampiran A** dan **Lampiran B**.

3.2 Had nilai, kuasa melulus dan syarat-syarat di Perenggan 3.1 di atas adalah juga terpakai untuk perolehan yang melibatkan naik taraf perisian komputer atau pembaharuan lesen.

#### 4.0 PEROLEHAN PANGKALAN DATA, JURNAL DAN MAKLUMAT SECARA ATAS TALIAN

4.1 Semua PTJ adalah dibenarkan membuat perolehan pangkalan data, jurnal dan maklumat secara atas talian tertakluk kepada had nilai, kuasa melulus dan syarat-syarat seperti berikut :

##### 4.1.1 *Had Nilai Dan Kuasa Melulus*

Had Nilai	Kuasa Melulus
Sehingga RM50 ribu	Naib Canselor
Melebihi RM50 ribu sehingga RM200 ribu	Jawatankuasa Sebut Harga "B"
Melebihi RM200 ribu sehingga RM500 ribu	Jawatankuasa Sebut Harga "A"
Melebihi RM500 ribu sehingga RM20 juta	Lembaga Perolehan 'B'
Melebihi RM20 juta sehingga RM50 juta	Lembaga Perolehan 'A'
Melebihi RM50 juta	Kementerian Kewangan Malaysia

#### 4.1.2 **Syarat-syarat**

- a. Peruntukan kewangan telah diluluskan dan adalah mencukupi;
- b. Perolehan dibuat daripada mana-mana pemilik atau pembekal tunggal/agen tunggal sama ada yang berdaftar atau tidak berdaftar dengan Kementerian Kewangan;
- c. Pembekal tunggal/agen tunggal hendaklah mempunyai surat lantikan yang sah daripada pemilik pangkalan data, jurnal dan maklumat berkenaan;
- d. Harga hendaklah dirundingkan ke paras terendah dan menguntungkan Kerajaan selaras dengan peraturan semasa; dan
- e. PTJ perlu mendapat kelulusan Jawatankuasa Teknikal PTJ atau Jawatankuasa Teknikal Universiti selaras dengan peraturan yang sedang berkuat kuasa yang dikeluarkan oleh Universiti.

4.1.3 Bagi perolehan yang bernilai sehingga RM50,000.00, ianya perlu mendapat ulasan dan sokongan dari Bendahari sebelum dikemukakan kepada Naib Canselor untuk kelulusan. Carta alir dan format kertas kerja untuk perolehan bernilai sehingga RM50,000.00 ini adalah seperti di **Lampiran A** dan **Lampiran B**.

4.2 Had nilai, kuasa melulus dan syarat-syarat di Perenggan 4.1 di atas adalah juga terpakai untuk perolehan yang melibatkan pelanjutan tempoh langganan pangkalan data, jurnal dan maklumat atas talian.

## 5.0 **PELANJUTAN KONTRAK PENYELENGGARAAN DAN MENAIK TARAF BAGI PERKHIDMATAN RANGKAIAN ICT DAN PERKHIDMATAN INTERNET DI UTHM**

5.1 PTJ adalah dibenarkan melanjutkan kontrak penyelenggaraan dan menaik taraf bagi perkhidmatan rangkaian ICT dan perkhidmatan Internet dengan pembekal perkhidmatan sedia ada tertakluk kepada had nilai, kuasa melulus dan syarat-syarat seperti berikut :

### 5.1.1 **Had Nilai Dan Kuasa Melulus**

<b>Had Nilai</b>	<b>Kuasa Melulus</b>
Sehingga RM200 ribu	Naib Canselor
Melebihi RM200 ribu sehingga RM500 ribu	Jawatankuasa Sebut Harga "A"

Melebihi RM500 ribu sehingga RM20 juta	Lembaga Perolehan 'B'
Melebihi RM20 juta sehingga RM50 juta	Lembaga Perolehan 'A'
Melebihi RM50 juta	Kementerian Kewangan Malaysia

### 5.1.2 **Syarat-syarat**

- (a) Kontrak semasa masih berkuat kuasa semasa perolehan dibuat;
- (b) PTJ perlu mendapat kelulusan Jawatankuasa Teknikal PTJ atau Jawatankuasa Teknikal Universiti selaras dengan peraturan berkuatkuasa yang dikeluarkan oleh Universiti;
- (c) Pembekal hendaklah mempunyai lesen yang sah daripada Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia dan berdaftar dengan Kementerian Kewangan dalam bidang yang berkaitan; dan
- (d) Harga hendaklah dirundingkan ke paras terendah yang menguntungkan Kerajaan selaras dengan peraturan semasa yang berkuat kuasa.
- (e) Tempoh kontrak yang munasabah dan hendaklah mengambil kira pelaksanaan 1GovNet yang dilaksanakan oleh Kerajaan dan Universiti.

5.1.3 Bagi perolehan yang bernilai sehingga RM200,000.00, ianya perlu mendapat ulasan dan sokongan dari Bendahari sebelum dikemukakan kepada Naib Canselor untuk kelulusan. Carta alir dan format kertas kerja untuk perolehan bernilai sehingga RM200,000.00 ini adalah seperti di **Lampiran A** dan **Lampiran B**.

5.2 Had nilai, kuasa melulus dan syarat-syarat di Perenggan 5.1 di atas ini tidak terpakai untuk perolehan baru atau peluasan skop perkhidmatan rangkaian ICT dan perkhidmatan Internet. Walau bagaimanapun, PTJ hendaklah mendapatkan kelulusan sepertimana yang terkandung dalam Pekeliling dan Surat Pekeliling Bendahari serta Perbendaharaan yang sedang berkuatkuasa.

## 6.0 TANGGUNGJAWAB PENGURUS BAHAGIAN

Semua Pengurus Bahagian adalah bertanggungjawab untuk memastikan setiap perolehan perisian komputer, langganan pangkalan data, jurnal dan maklumat secara atas talian serta pelanjutan kontrak penyelenggaraan dan menaik taraf bagi perkhidmatan rangkaian ICT dan perkhidmatan Internet adalah berdasarkan keperluan Universiti. Pemantauan rapi hendaklah dibuat bagi memastikan syarat-syarat di atas dipatuhi sepenuhnya. Pengurus Bahagian juga hendaklah memastikan setiap perolehan digunakan secara optimum dengan dikongsi oleh seberapa ramai pengguna terutamanya bagi langganan perisian, jurnal dan maklumat atas talian.

## 7.0 KUATKUASA PEKELILING

Pekeliling ini berkuatkuasa mulai tarikh ianya dikeluarkan.

## 8.0 PEMBATALAN

Dengan berkuatkuasanya Pekeliling ini, perkara-perkara di para **3.3 dan 3.4 dalam Bab E, Pekeliling Bendahari Bil. 5/2009 adalah dibatalkan.**

Kerjasama dan perhatian YBhg. Dato'/Prof./Tuan/Puan adalah diharapkan agar dapat memanjangkannya kepada staf di bahagian masing-masing.

Sekian, terima kasih.

**“DENGAN HIKMAH KITA MENEROKA”**

Yang benar,



**ABU BAKAR BIN HUSSAIN**

Bendahari


Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

☎: Samb: 7050

- s.k
- YBhg. Naib Canselor
  - YBhg. Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
  - YBhg. Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
  - Ketua Unit Audit Dalam

**LAMPIRAN A**

**CARTA ALIR PEROLEHAN BERKAITAN *INFORMATION AND COMMUNICATION TECHNOLOGY* (ICT) DAN RANGKAIAN INTERNET DI UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA SECARA RUNDINGAN TERUS YANG DILULUSKAN OLEH NAIB CANSOLOR**





**LAMPIRAN B**

**FORMAT KERTAS KERJA**

**TAJUK PEROLEHAN**

- 1.0 Pendahuluan
- 2.0 Latarbelakang
- 3.0 Objektif dan Tujuan Perolehan
- 4.0 Justifikasi Keperluan Perolehan
- 5.0 Implikasi Kewangan / Anggaran Kos
- 6.0 Cadangan / Pembekal Yang Disyorkan
- 7.0 Implikasi Sekiranya Cadangan Tidak Diluluskan
- 8.0 Penutup

**Disediakan oleh :-**

.....  
( *Pemohon* )

**Disemak oleh :-**

.....  
( *Ketua Jabatan* )

**Disahkan dan Ulasan oleh :-**

---

---

.....  
*(Pengurus Bahagian)*

**Disokong dan Ulasan oleh :-**

---

---

---

.....  
*(Bendahari, UTHM)*

**Diluluskan / Tidak Diluluskan :**

---

---

.....  
*(Naib Canselor, UTHM )*